



Insetif gula pasir masih kekal sehingga kerajaan semak semula - MSM

Oleh Mahanum Abdul Aziz - Mac 8, 2024 @ 12:33pm

mahanum_aziz@bh.com.my



Gula keluaran MSM. - NSTP / FAIZUL AZLAN RAZAK

KUALA LUMPUR: MSM Malaysia Holdings Bhd menjelaskan insetif gula pasir kasar dan gula pasir halus masih berterusan sehingga kerajaan membuat semakan semula mekanisme kenaikan harga yang dijangka berlaku separuh kedua 2024, kata BIMB Securities Research.

Ia berkata, pada taklimat penganalisis, pengeluar gula bertapis itu memberi jaminan pihaknya mempunyai perjanjian hitam-putih dengan kerajaan membabitkan insetif itu.

Katanya, insentif RM1,000 satu tan diberikan kerajaan bagi 24,000 tan setiap bulan untuk gula pasir kasar sebanyak satu kilogram atau dua kilogram dan gula pasir halus sebanyak satu kilogram.

"Kami telah menghadiri taklimat penganalisis MSM selepas keputusan suku keempat tahun kewangan 2023 dan telah meyakinkan mengenai beberapa perkara berkenaan prospek MSM.

"Kami meneruskan tinjauan positif kami memandangkan MSM memberi jaminan bahawa mereka mempunyai perjanjian hitam dan putih dengan kerajaan," katanya dalam nota penyelidikannya.

BIMB Securities Research berkata, MSM kembali mencatatkan keuntungan selepas lapan suku berturut-turut mengalami kerugian, disokong insentif kerajaan yang bertujuan untuk membetulkan anomal i ekonomi harga gula.

Ia berkata, MSM menjangkakan harga gula mentah akan meningkat berikutan cuaca yang lebih kering daripada biasa di Brazil.

Katanya, dengan kebarangkalian tinggi kemunculan La Niña dari pertengahan tahun dan seterusnya, menimbulkan potensi untuk musim kering yang berpanjangan.

"Tambahan pula, cuaca kering juga akan menjelaskan India, di samping jangkaan bahawa larangan eksport gula akan berterusan apabila India mengumumkan cukai eksport sebanyak 50 peratus ke atas molase daripada penapisan gula.

"Namun begitu, MSM telah melindung nilai 92 peratus daripada gula mentahnya untuk tahun kewangan 2024," katanya.

MSM juga menjangkakan permintaan tinggi dari Indonesia, Singapura, negara Asia Pasifik dan Afrika.

HEADLINE	Insentif gula pasir masih kekal sehingga kerajaan semak semula - MSM
MEDIA	Berita Harian - Online
DATE	8 March 2024, 12:33pm
BY	Mahanum Abdul Aziz
LINK	https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2024/03/1221003/insentif-gula-pasir-masih-kekal-sehingga-kerajaan-semak-semula-msm